

10 DEC 1998

ASB-PELABUR

JUMLAH PELABUR ASB MENINGKAT 3.39 PERATUS KEPADA 4.9 JUTA TAHUN INI

KUALA LUMPUR, Dec 10 (Bernama) -- Jumlah pelabur di dalam Skim Amanah Saham Bumiputera meningkat 3.39 peratus kepada 4.9 juta tahun ini berbanding 4.7 juta tahun sebelumnya, demikian menurut pengerusi Permodalan Nasional Bhd Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Jumlah ini amat memberangsangkan jika diambil kira keadaan kegawatan ekonomi sekarang ini walaupun daripada segi pelaburan ia agak terjejas iaitu sebanyak 13.3 peratus, kata beliau.

"Tapi ini bukanlah merupakan satu petanda yang negatif, apa yang penting ialah pertambahan jumlah pelabur ... dan ianya masih baik jika dibandingkan dengan jumlah penurunan dalam amanah-amanah saham lain," kata Ahmad Sarji selepas membacakan pengumuman dividen dan bonus bagi Skim ASB bagi pelaburan di sepanjang tahun 1998. .

Beliau membacakan teks ucapan itu bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan pengerusi bagi Yayasan Pelaburan Bumiputra. Turut hadir dalam majlis itu ialah Ketua Eksekutif Kumpulan PNB Encik Hamad Kama Piah Che Othman.

Pada tahun ini, ASB akan memperuntukkan kira-kira RM2.7 bilion kepada 10.5 peratus dividen dan bonus bagi pelaburan di sepanjang tahun 1998.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, peningkatan jumlah pelaburan dicatatkan oleh Wilayah Persekutuan, Johor, Selangor, Sarawak dan Perak.

Beliau menegaskan pada masa ini, PNB yang bertindak sebagai syarikat pengurus bagi ASB dan Amanah Saham Nasional (ASN), akan berusaha memastikan kepentingan masyarakat Bumiputera di dalam kedua-dua skim berkenaan diurus dengan sebaik-baiknya.

Ini akan dilakukan dengan mengukuhkan kepentingan ekuiti Bumiputera melalui pelaburan di sektor korporat, tambah beliau.

"Pesan saya kepada pelabur ialah supaya mereka meningkatkan lagi pelaburan. Dalam kegawatan ini, PNB banyak membuat pelaburan dengan membeli saham yang rendah, jadi kami masih lagi berkemampuan memberikan dividen pada tahap yang berpatutan di tahun-tahun akan datang," kata Ahmad Sarji.

Ditanya berapa banyakkah dana ASB yang dilaburkan untuk membeli ekuiti, beliau berkata lebih daripada 90 peratus dan kebanyakannya adalah untuk tempoh jangka-masa panjang.

Sementara itu mengulas mengenai 10.5 peratus dividen dan bonus yang diumumkan hari ini, Hamad Kama berkata ia masih menguntungkan jika dibandingkan dengan pulangan yang ditawarkan oleh pelaburan-pelaburan lain.

Menurut satu sumber, purata pulangan pelaburan di dalam Komposit Indeks dari tahun 1981-1998 ialah tujuh peratus, deposit tetap dalam tempoh 17 tahun lepas ialah 7.43 peratus sementara pulangan ASB dalam tempoh 1990 hingga 1998 ialah 12.75 peratus.

PNB, pada masa ini mengendalikan aset-aset ASB yang mempunyai nilai pelaburan RM25.6 bilion dan ASN yang mempunyai modal saiz berjumlah RM1.5 billion. -- BERNAMA

AA OS